

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM  
TARIKH : 9 JUN 2014  
SOALAN :**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) tentang bilangan Pusat Rawatan Autisme di seluruh Negara, bilangan doktor pakar untuk merawat pesakit Autisme di setiap negeri; dan
- (b) berapa buah pusat rawatan Autisme yang diuruskan oleh swasta atau NGO dan jumlah peruntukan tahunan untuk membantu pusat-pusat ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Buat masa sekarang, tidak ada Pusat Rawatan Autisme yang khusus diwujudkan di Malaysia. Pesakit-pesakit Autisme Spectrum Disease (ASD) akan mendapatkan rawatan dan intervensi di klinik-klinik kesihatan kerajaan dan juga hospital kerajaan. Rawatan dan intervensi awal yang diberikan adalah seperti *Speech Language Therapy*, *Psychology Intervention* dan *Occupational Therapy*.

Dalam aspek rawatan pesakit ASD di hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai pakar yang terlibat secara berpasukan (*team approach*) terdiri dari pakar kanak-kanak, pakar psikiatri kanak-kanak, pegawai pemulihan perubatan (carakerja) serta pegawai pemulihan perubatan (pertuturan dan bahasa). Terdapat 4 Pakar Kanak-kanak yang mempunyai pengkhususan dalam subkepakaran *Developmental Paediatric* serta 19 Pakar Psikiatri Kanak-kanak yang memberi rawatan dari segi pengdiagnosan serta pengurusan pesakit secara holistik.

4 orang Pakar Kanak-kanak ini ditempatkan di Hospital Pulau Pinang (1) dan Institut Paediatrik, Hospital Kuala Lumpur (3) manakala, 19 orang Pakar Psikiatri Kanak-kanak yang turut sama dalam memberi rawatan ASD secara komprehensif ditempatkan di Kedah (2), Selangor (5), Hospital Kuala Lumpur (4), Johor (2) dan 1 orang setiap negeri di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik buat rakyat Negara ini, KKM telah menyediakan dasar bantuan kewangan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi menjalankan aktiviti atau program kesihatan di seluruh Negara.

Sejak tahun 2002 sehingga 2013, KKM telah memberikan bantuan kewangan kepada 97 buah NGO bagi menjalankan aktiviti atau program kesihatan. Sepanjang 12 tahun tempoh perlaksanaannya, pihak Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM 30.78 juta bagi membiayai aktiviti tersebut.

Untuk makluman, pihak KKM tidak menerima sebarang permohonan daripada pusat-pusat rawatan Autisme yang dikendalikan oleh Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) di seluruh Negara. Namun demikian, KKM bersedia untuk menerima dan mempertimbangkan permohonan daripada pusat-pusat rawatan Autisme NGO dalam usaha membantu pesakit-pesakit khususnya bagi rawatan Autisme demi menjaga kesejahteraan rakyat Negara ini.